

Institut Dr. M disyor penggubal kurikulum

UM 13 FEB 2004

BANGI 12 Feb. — Kementerian Pendidikan akan mencadangkan kepada kerajaan supaya Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPTDMM), Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi institusi yang bertanggungjawab penuh menggubal kurikulum dalam sistem pendidikan negara.

Menterinya Tan Sri Musa Mohamad berkata, cadangan itu akan diketengahkan setelah ia beroperasi dan berjaya mengumpulkan tulisan-tulisan ilmiah menerusi seminar, kolokium dan simposium mengenai pemikiran Dr. Mahathir yang akan menjadi acara rutin.

Katanya, semua hasil kajian dan tulisan-tulisan ilmiah para sarjana mengenai pemikiran bekas Perdana Menteri di institut akan diguna pakai sebagai rujukan utama.

“Cadangan itu amat penting untuk memastikan perubahan kurikulum, buku teks, latihan guru dan sistem pendidikan kita bertaraf global selaras dengan acuan pemikiran beliau.

“Jadi semua bahan kajian peringkat sarjana dan Doktor Falsafah di institut itu kita dapat jadikan bahan untuk menggubal kurikulum pendidikan kita untuk lahirkan pelajar yang pragmatik, progresif dan berdaya saing,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Siri Simposium Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, UUM di Institut latihan Keselamatan Sosial KWSP, di sini hari ini.

Menurut Musa, institut tersebut juga akan dicadangkan untuk menjadi platform bagi para akademik, penyelidik, perancang, penggubal dasar dan pelaksana pembangunan masyarakat.

IPTDMM ditubuhkan pada 19 Ogos tahun lalu hasil cadangan Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed semasa Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Institut ini akan mula mengambil pelajar peringkat sarjana dan Doktor Falsafah mulai Jun ini dan akan terbuka kepada calon tempatan serta luar negara.

Dalam perkembangan sama, Musa berkata, penyelidik daripada institut tersebut juga dapat memberikan tumpuan kepada melahirkan pelajar yang dapat menguasai bahasa Inggeris, matematik dan sains sebagai agenda penyelidikan utama.

“Kita mahu, institut ini dapat mengubah minda pelajar-pelajar kita sama ada di sekolah mahupun institusi pengajian tinggi menjadi berani seperti yang dicontohi oleh Dr. Mahathir,” tambah beliau.